



JABATAN TENAGA KERJA
SEmenanjung MALAYSIA

KONVENTSYEN PEGAWAI PEMERIKSA PERBURUHAN 2017

Bahagian Dasar &
Perancangan Strategik
Team BDPS, JTKSM

EDISI KHAS

JTKSM.MOH.R.GOV.MY

EDISI KHAS: KONVENTSYEN PEGAWAI PEMERIKSA PERBURUHAN 2017

NOVEMBER 2017



Fakta Ringkas

Tarikh 29 - 31 Oktober 2017

Tempat Hotel Casuarina@Meru,
Ipoh, Perak

Dihadiri 190 Pegawai Pemeriksa

Tema

Memperkasa Kualiti Pemeriksaan
ke Arah Peningkatan Pematuhan
Undang-undang Perburuhan

Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan JTKSM 2017

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) buat julung kalinya telah menganjurkan Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan JTKSM Tahun 2017 yang dihadiri seramai 190 Pegawai Pemeriksa Perburuhan dari 53 pejabat cawangan dan negeri seluruh Semenanjung Malaysia.

Konvensyen yang diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2017 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh tersebut merupakan satu langkah pendekatan yang diambil oleh Jabatan bertujuan:

- mengenalpasti cabaran dan isu yang dihadapi pegawai pemeriksa di lapangan;

- mengenalpasti amalan terbaik pelaksanaan pemeriksaan melalui sesi perkongsian pengalaman dan strategi yang digunakan di setiap negeri;
- menyampaikan maklumat berkaitan dasar, perundangan dan standard perburuhan antarabangsa berkaitan aktiviti pemeriksaan;
- membincangkan halatuju aktiviti pemeriksaan perburuhan Jabatan; dan
- menetapkan cadangan penambahbaikan bagi menggubal dasar baru berhubung pemeriksaan perburuhan.

pemeriksaan perburuhan.

Peserta Konvensyen berpeluang berkongsi pengalaman dan amalan berhubung aktiviti pemeriksaan perburuhan berkesan yang dijalankan di negeri masing-masing serta menyuarakan pendapat dan cadangan penambahbaikan dasar dan strategi pemeriksaan perburuhan Jabatan.

Hari terakhir Konvensyen telah menyaksikan lafadz Ikrar Bebas Rasuah oleh semua peserta di bawah pimpinan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JTKSM, YBrs. Encik Wan Zulkfli bin Wan Setapa dan upacara menandatangani Aku Janji Bebas Rasuah.

Pemeriksaan Perburuhan Berkualiti Mengikut Perspektif *International Labour Organization (ILO)*

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen No. 81 ILO iaitu *Labour Inspection Convention* pada 1 Julai 1963. Konvensyen ini menggariskan Pemeriksaan Perburuhan sebagai aktiviti utama dalam pentadbiran perburuhan yang bertujuan:

- melindungi dan mempromosi hak dan kebajikan pekerja melalui pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan;
- memaklumkan polisi dan undang-undang

- perburuhan semasa Kerajaan; dan
- mengumpul maklumat berhubung industri dan amalan terbaik perburuhan.

Konvensyen tersebut turut menekankan integriti, kompetensi, kelayakan dan etika Pegawai Pemeriksa serta keperluan bagi nisbah bilangan Pegawai dan bilangan pekerja mengikut penanda aras ILO.

Pemeriksaan Berkelompok

Pemeriksaan Berkelompok diperkenalkan di JTK Perak pada pertengahan tahun 2013 dan dilaksanakan secara menyeluruh mulai tahun 2014.

Pemeriksaan Berkelompok adalah pemeriksaan ke atas tempat pekerjaan yang dilaksanakan secara berpasukan oleh Pegawai Pemeriksa secara *cross deployment* atau *uni deployment*. Pemilihan tempat pemeriksaan adalah berdasarkan dua kaedah iaitu:

1. *Cross Sector*: Terdiri dari pelbagai sektor industri yang mempunyai pekerja dan merangkumi tempat pekerjaan baru; yang telah diperiksa melebihi 3 tahun; yang mempunyai rekod kes aduan dan kes buruh; dan
2. Lokaliti: Premis mengikut kawasan (deretan kedai, pusat membeli belah, jalan, zon industri).

Antara kesan positif yang tampak daripada amalan Pemeriksaan Berkelompok ini kepada JTK Perak ialah meningkatkan kecekapan Pegawai Pemeriksa dari segi pengesanan tempat pekerjaan baru, pemeriksaan tempat pekerjaan dalam skala yang lebih besar,



Beberapa aspek pemeriksaan ladang perlu disemak semula dan diselaraskan iaitu norma masa proses kerja dan perintah yang dikeluarkan. Jabatan dicadangkan meneliti kemungkinan penurunan kuasa kepada Pegawai Pemeriksa untuk pengeluaran Perakuan sebaik sahaja ketidakpatuhan dikenal pasti semasa pemeriksaan. Perakuan boleh dikeluarkan dalam bentuk 'Perintah Ketua Pengarah' yang akan menggariskan tindakan pematuhan yang perlu diambil oleh majikan.

Penambahbaikan tersebut akan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan di sektor perladangan melalui komunikasi dan maklumbalas yang pantas dan efisyen. Majikan akan dimaklumkan serta-merta akan ketidakpatuhan dan tindakan yang perlu dilaksanakan, dan hak pekerja akan mendapat faedah dalam kadar segera.

1 Visit Policy, Pasukan Khas Penguatkuasaan & Skuad Khidmat Cepat

Meskipun inisiatif-inisiatif penguatkuasaan yang berkenaan dibangunkan untuk tujuan dan dengan keanggotaan yang berbeza, hakikatnya kesemua inisiatif melibatkan Pegawai Pemeriksa yang sama dan menjalankan operasi *ad hoc*.

Jabatan dicadangkan untuk menyelaras struktur unit penguatkuasaan di seluruh Malaysia dengan merangkum ketiga-tiga inisiatif dan melantik pegawai khusus untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan tersebut.

pengurusan masa untuk aktiviti-aktiviti lain dan pengurusan perbelanjaan Jabatan untuk aktiviti pemeriksaan. Selain itu, majikan juga mendapat manfaat di mana pemeriksaan perburuhan premis pekerjaan oleh Pegawai Pemeriksa dilaksanakan secara terancang, dengan profesional dan berintegriti.

Pemeriksaan Berkelompok merupakan satu inovasi perkhidmatan dan anjakan paradigma kepada Jabatan terutamanya dalam mengadaptasikan strategi Lautan Biru, "*Low Cost, High Impact*". Amalan ini merupakan salah satu inisiatif bagi mengetengah peranan Jabatan kepada pemain industri di samping mendidik majikan dan pekerja berhubung standard dan perundangan perburuhan.

Jabatan dicadangkan untuk memperkasakan Pemeriksaan Berkelompok dalam menjenamakan semula aktiviti pemeriksaan dengan pendekatan yang lebih mampan dan inklusif.

Pemeriksaan Ladang

Pemeriksaan ladang menjurus kepada pemeriksaan perumahan dan kemudahan di ladang mengikut Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Pegawai Pemeriksa hendaklah melakukan persediaan pra pemeriksaan ladang termasuklah memeriksa rekod-rekod kes dan permohonan diterima serta kelulusan yang telah diberikan. Pemeriksaan perlu memberi penekanan kepada kehendak peruntukan Akta 446 dan akta-akta lain yang berkaitan.



Pengkhususan ini akan membolehkan Jabatan melakukan operasi secara proaktif, terancang dan besar-besaran bagi impak pematuhan standard dan perundangan perburuhan yang lebih tinggi. Contoh pelaksanaan oleh agensi lain ialah Grup Taktikal Khas, Jabatan Imigresen Malaysia dan *Special Tactical Response & Investigation Key Enforcers* (STRIKE) Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

F LABOUR INSPECTORS

Modenisasi Pemeriksaan Perburuhan Berkesan

Sejajar dengan keperluan dan peredaran masa, Jabatan memperakui keperluan memodenkan pemeriksaan perburuhan terutamanya dari segi kaedah pendekatan dan penggunaan aplikasi ICT. Pegawai Pemeriksa harus beranjak peranan daripada *enforcer* kepada *influencer* di mana penekanan harus diberikan dalam mendidik majikan berhubung tanggungjawab ke atas pematuhan undang-undang perburuhan di tempat pekerjaan masing-masing, dan tidak hanya menekankan penalti ketidakpatuhan.

Pemeriksaan kendiri (*self assessment*) perlu diperkenalkan sebagai satu langkah meningkatkan kebertanggungjawaban pemain industri di samping mengoptimumkan penguasaan teknologi masa kini. Majikan akan mengisyiharkan tahap kepatuhan berdasarkan elemen-elemen yang ditentukan oleh Jabatan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Hukuman berat akan dikenakan ke atas majikan yang gagal membuat pengisytiharaan atau mengisyihar

maklumat palsu.

Dalam masa yang sama, pemeriksaan ke tempat pekerjaan akan tetap dijalankan dari semasa ke semasa dengan penggunaan aplikasi pemeriksaan yang mengintegrasikan maklumat dari sistem pemeriksaan kendiri dan *Labour Market Database* (LMD). Aplikasi tersebut boleh diakses dari telefon pintar atau *tablet* dan maklumat boleh dikemaskini sebaik sahaja pemeriksaan dijalankan.

Jabatan dicadang untuk mengkaji amalan pemeriksaan kendiri dan penggunaan aplikasi pemeriksaan di negara lain seperti Filipina, Vietnam, Amerika Syarikat dan Sri Lanka. Penerapan modenisasi dalam pemeriksaan perburuhan bukan sahaja akan meningkatkan imej Jabatan malah menaik taraf pentadbiran perburuhan negara dan mengangkat martabat Malaysia dalam pentadbiran perburuhan di peringkat antarabangsa.

Pembangunan Kompetensi dan Kapasiti

Dalam meningkatkan keberkesaan dan kecekapan pemeriksaan perburuhan, beberapa elemen perlu diberi perhatian dan diperbaiki. Pegawai Pemeriksa hendaklah diberi sokongan yang bersesuaian bagi mendorong pegawai menjalankan pemeriksaan yang berkualiti. Jabatan perlu menilai keperluan kapasiti dan kompetensi Pegawai Pemeriksa serta sistem sokongan dari segi aset, kewangan, logistik dan latihan.

Bilangan Pegawai Pemeriksa yang mencukupi diperlukan bagi memastikan setiap pekerja dan majikan mendapat perlindungan hak melalui pemeriksaan yang dijalankan. Pegawai Pemeriksa perlu dilengkapi ilmu dan kemahiran yang bersesuaian seperti pengetahuan dan interpretasi undang-undang, kemahiran komunikasi berkesan, serta teknik dan pendekatan pemeriksaan berkesan. Nilai-nilai murni seperti integriti, amanah dan bertanggungjawab perlu diterap ke dalam diri setiap Pegawai Pemeriksa dan kakitangan Jabatan untuk mencegah sebarang bentuk penyelewengan.

Pemeriksaan yang berkesan turut disokong oleh kelengkapan yang bersesuaian seperti kenderaan



pemeriksaan, peralatan dan gajet. Jabatan perlu memastikan sumber aset dan kewangan adalah mencukupi untuk menyediakan keperluan ini. Sumber data yang boleh dipercayai boleh meningkatkan keberkesaan dan pematuhan undang-undang perburuhan dalam kalangan majikan. Perkara ini bermula dari kaedah pengumpulan maklumat (borang yang sesuai), pengisian maklumat ke dalam *database* (integriti), integrasi di antara maklumat (sistem holistik) dan capaian segera kepada maklumat.



RESOLUSI & CADANGAN

Mengambil maklum akan Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan yang diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2017 di Ipoh, Perak telah dihadiri oleh 190 pegawai yang terdiri daripada Pengarah Tenaga Kerja Ibu Pejabat dan Negeri, Ketua Pejabat dan Pegawai Pemeriksa dari seluruh Semenanjung Malaysia.

Menghargai peranan dan kepentingan Pegawai Pemeriksa Perburuhan dalam melaksanakan pemeriksaan perburuhan yang berkualiti, sebagai tunjang kepada pematuhan standard perburuhan dan undang-undang perburuhan bagi menjamin hak dan kebijakan warga kerja di sektor swasta.

Merekayasa strategi dan kaedah yang digariskan dalam konvensyen *International Labour Organisation* (ILO) No. 81 iaitu *Labour Inspection Convention* ke arah pemeriksaan perburuhan yang berkualiti.

Mengiktiraf peranan Pegawai Pemeriksa Perburuhan di bawah institusi pentadbiran perburuhan negara selari dengan tema "Memperkasa Kualiti Pemeriksaan Ke Arah Peningkatan Pematuhan Undang-Undang Perburuhan", Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan Tahun 2017 telah memperakui dan beriltizam untuk:

1. Menstruktur semula dasar pemeriksaan perburuhan dan dasar penguatkuasaan institusi pentadbiran perburuhan negara dalam menentukan halatuju Jabatan;
2. Mengoptimum penggunaan sumber kewangan, prasarana dan sumber manusia Jabatan dengan memperkenalkan pendekatan pemeriksaan bersepadan;

3. Mempersiap Pegawai Pemeriksa Perburuhan dengan pengetahuan dan kemahiran bertahap tinggi melalui pembangunan modul latihan khusus yang menekankan kompetensi pegawai;
4. Merealisasi peranan proaktif Pegawai Pemeriksa Perburuhan sebagai penyelia, penasihat dan penguatkuasa dalam memastikan pematuhan perundangan perburuhan di tempat kerja;
5. Membangkit kesedaran berhubung tanggungjawab serta hak-hak majikan dan pekerja melalui program libat urus berterusan dengan majikan dan pekerja;
6. Mempraktik integrasi dalam penguatkuasaan dengan agensi lain untuk memastikan pemeriksaan yang lebih efisyen dan efektif;
7. Memperakui kepentingan aplikasi teknologi maklumat (ICT) dalam pemeriksaan ke arah memodenisasi dan menaik taraf perkhidmatan institusi pentadbiran perburuhan negara; dan
8. Menerapkan sifat integriti, cekap dan amanah dalam setiap Pegawai Pemeriksa Perburuhan dalam usaha untuk meningkatkan imej dan reputasi Jabatan di mata rakyat.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
31 Oktober 2017

IKRAR BEBAS RASUAH

Majlis Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diadakan pada 31 Oktober 2017 (Selasa) jam 11.00 pagi di Dewan AJCC 1, Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.

Seramai 190 pegawai yang terdiri daripada Pengarah Tenaga Kerja Ibu Pejabat dan Negeri, Ketua Pejabat dan Pegawai Pemeriksa dari seluruh Semenanjung Malaysia telah melafaz Ikrar Bebas Rasuah yang dipimpin oleh YBrs. Encik Wan Zulkfli bin Wan Setapa, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JTKSM. Ikrar Bebas Rasuah ini kemudian ditandatangani oleh YBrs. Encik Wan Zulkfli bin Wan Setapa mewakili Pengurusan Tertinggi JTKSM dan disaksikan oleh Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia SPM, YBhg. Dato' Haji Idris bin Zaharudin. Kesemua pegawai yang hadir turut menandatangani Ikrar Bebas Rasuah masing-masing demi memaktubkan kesungguhan warga JTKSM dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa.

